

# Penyakit Gusi

## PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER

大学城Taman U : 26A, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAI. Tel/Fax:607-521 1111, 607-5208508. SMS: 6014-888 9000

武吉英达Bukit Indah : 30A, Jln. Indah 16/5, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru. Tel: 07-232 GIGI, 07-232 4444, SMS:6 014-9 900 900

新山大丰Taman Sentosa : 25A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru.Tel : 07-3333 000 SMS: 6014 800 2000

新山UDA/Tampoi : 39-01,Jalan Padi Emas 1/3, Uda Business Center, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru Tel:607-2 444 666 HP:016-6800100

百合Taman Molek: 84-01,Jalan Molek 2/2, Taman Molek, 81100 Johor Bahru. Tel : 016-6 300 500

[www.gigi.my](http://www.gigi.my) info@gigi.my

## PATIENT INFORMATION: Help You To Make Informed Decision

Adakah anda mempunyai masalah berikut?:

### A.) PERINGKAT PERMULAAN:

- Gusi mudah **berdarah** khasnya apabila digosok.
- Gusi menjadi **berwarna merah berdarah**.

### B.) PERINGKAT PERTENGAHAN



- Gusi berkurangan dan tidak terlekat pada gigi.**  
**Gigi semakin panjang.**  
**Akar gigi terdedah.**

**Celah gigi** menjadi mudah tersumbat makanan, kesan sampingannya mudah **berlubang dan mulut berbau**.


- Gigi terasa **sensitif** apabila diberus atau semasa memakan/meminum benda yang sejuk/ masam/panas.

### C.)PERINGKAT LEWAT/TERUK

- Gigi rasa **gogah** malahan 'terlari' dari tempat asalnya.
- Gigitan gigi asli menjadi kurang 'berkuasa'.
- Gusi bengkak , keluar nanah.**
- Sakit gigi** khasnya apabila masa menggigit atau disentuh.



A.) B.)



C.)  
Jika anda mempunyai sebarang gejala seperti di atas, jumpalah doktor gigi anda kerana anda mungkin mengidap penyakit gusi. Penyakit gusi adalah satu-satunya penyakit yang dihadapi oleh paling ramai manusia di dunia ini.

### RAWATAN PENYAKIT GUSI

Rawatan gusi boleh dilakukan **tanpa pembedahan** ataupun dengan pembedahan.

#### **TANPA PEMBEDAHAN**

- Skaling/Mencuci/Servis gigi** (membersihkan karang gigi) untuk menghapuskan tunggakan plak atau tartar.

Jika gusi anda sedang bengkak, perdarahan mungkin terjadi. Inilah cara mudah untuk menjaga gusi anda berbanding dengan cara pembedahan.

Biasanya skaling **6 bulan sekali** dinasihatkan

- DENGAN PEMBEDAHAN : 1)Membinas/memotong atau 2.)Menjana semula**

**1.)Memotong Gusi** (gingivektomi) membuang gusi yang sudah tidak terlekat, supaya permukaan akar lebih mudah dibersihkan.

Kebaikan: lebih senang dilakukan,lebih murah. Gusi boleh dipotong tanpa menggunakan pisau(electrosurgery atau laser).

Keburukan: gigi mungkin menjadi lebih sensitif kerana akar yang terdedah.

**2.)Penjanaan semula tisu** yang dipandu.(Guided Tissue Regeneration)

Menggunakan **kulit** dan/atau **tulang buatan** manusia untuk membina balik gusi/tulang yang sudah hilang.

Kebaikan: rawatan yang membina, gigi menjadi kurang goyah.

Keburukan: kos lebih tinggi,lebih susah, hasil akhir jangka panjang tidak mudah ditentukan.

### KESAN SAMPINGAN PENYAKIT GUSI DAN RAWATANNYA

- Jika akar gigi terdedah, jangan memberus melintang/memotong. Kalau tidak, akar gigi akan terpotong dan perlu ditampal balik.
- Lubang dekat celah gigi:** Oleh kerana makanan mudah tersumbat dicelah gigi, gigi yang bersebelahan mudah rosak . Kadang-kadang lubang gigi semacam ini hanya boleh dikesan setelah X-ray diambil.
- Sensitif/Nyilu:** Bahagian gigi yang terdedah mungkin terasa nyilu. Setelah memastikan nyilu bukan disebabkan oleh lubang gigi, doctor mungkin mengesorkan:
  - Ubat gigi sensitif** misalnya Sensodyne ,Oral-B, T-Care, Colgate dan lain-lain secara jangka panjang.
  - Meletak **flouride** dipermukaan akar.
  - Iontophoresis:** Menggunakan arus electric kecil memandu fluoride 'berenang' masuk ke dalam akar.
  - Akhir sekali, **rawatan akar** untuk mematkan saraf akar.

### PENJAGAAN GUSI

Berus gigi sekurang-gya 2 kali sehari. Ada pesakit yang berus gigi dengan rajin tetapi gusi masih berdarah kerana berus dengan tidak berkesan atau **berus tidak sampai pada tempatnya**.



Menggunakan **benang gigi** (floss) untuk menjaga kebersihan celah gigi:



Jika celah gigi terlalu besar, berus celah( interdental) boleh digunakan:



### Penutup

Gusi yang hilang/kurang tidak akan tumbuh balik, akan tetapi penjagaan gusi yang rapi akan mengekalkan gigi anda sepanjang hayat.

Berjumpa dengan doktor gigi anda 6 bulan sekali untuk pemeriksaan dan membersihkan karang gigi jika perlu.